



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/60 Jld.5 (64)

Tarikh : 4 Januari 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN SETIAUSAHA PEJABAT (SP) GRED N29/N30
KE GRED N32 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan Setiausaha Pejabat (SP) Gred N32 dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat SP Gred N29/N30 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Setiausaha Pejabat Gred N29/N30 yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 2.2 Dilantik kali pertama dalam perkhidmatan awam sebelum atau pada **31 Disember 2000 dalam skim berkenaan, sebelum ditukar lantik ke Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) dan Skim Perkhidmatan Setiausaha Pejabat;**
- 2.3 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan pertama berubah ke tarikh 1 Januari 2001 dan seterusnya;**
- 2.4 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2016, 2017 dan 2018) **tidak kurang 80%;**
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan disertakan);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

2/...

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan. **Bagi calon-calon yang telah diperaku melalui Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2018 bertarikh 30 Julai 2018 dan belum ditawarkan pemangkuan ke Gred N32, calon tidak perlu mengemukakan semula permohonan pemangkuan ini.**

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 15 Februari 2019** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri)

5. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:


- i. Puan Nor Haslina binti Ibrahim - 03-8885 4311
(haslina.ibrahim@jpa.gov.my)
- ii. Puan Salina binti Ibrahim - 03-8885 4939
(salina.ibrahim@jpa.gov.my)

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my